

Penduduk minta bina perangkap air

BUKIT ANTARA-BANGSA - Penduduk di empat buah rumah yang terjejas banjir lumpur di Taman Bukit Mulia di sini meminta perangkap air di bina segera.

Mohd Nor Udin, 47 berkata, dengan adanya perangkap tersebut, limpahan air dari Apartmen Villaria boleh dilencongkan ke kawasan lain.

“Idea perangkap air ini telah pun dimaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan dan pihak pengurusan apartmen tetapi belum lagi tindakan dilakukan.

“Banjir (minggu lepas) menyebabkan banyak peralatan rumah rosak,” katanya kepada *Sinar Harian*.